

30 OCT 2003

Dewan-Kelantan (Mahathir)

DUN KELANTAN LULUS USUL RAKAM PENGHARGAAN KEPADA DR MAHATHIR

KOTA BAHARU, 30 Okt (Bernama) -- Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan meluluskan sebulat suara usul tergepar bagi merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara esok.

Usul bagi mengenang jasa dan sumbangan Dr Mahathir kepada pembangunan Kelantan sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri itu dibuat pada penghujung sidang DUN Kelantan yang berakhir hari ini dan mendapat sokongan kesemua 42 daripada 43 anggota DUN Kelantan.

Mohamed Saufi Deraman (BN-Galas) tidak hadir pada persidangan hari ini.

Usul tanpa notis awal itu yang dicadangkan oleh Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan disokong oleh timbalannya Datuk Abdul Halim Abdul Rahman, dipersetujui oleh Speaker DUN Wan Abdul Rahim Wan Abdullah, serta turut dibahas selama 25 minit oleh dua anggota iaitu Norzula Mat Diah (BN-Paloh) serta Zulkifli Mamat (PAS-Pulai Chondong).

Semasa perbincangan, Norzula yang menjadi wakil tunggal BN pada persidangan hari ini, menyanjung keterbukaan kerajaan Kelantan dalam mengemukakan usul itu apabila sanggup secara terbuka merakamkan usul terima kasih dan penghargaan kepada Dr Mahathir walaupun berlainan ideologi politik.

Beliau berharap sikap terbuka itu dapat diteruskan pada masa hadapan bagi membolehkan semangat bekerjasama seperti itu dikekalkan dan menguntungkan rakyat.

Zulkifli berkata PAS mengakui Dr Mahathir banyak memberi sumbangan kepada Kelantan walaupun negeri itu diperintah oleh PAS, umpamanya meluluskan bantuan kerajaan pusat kepada kerajaan negeri sebanyak RM600 juta bagi mengatasi masalah bekalan air yang membelenggu rakyat negeri itu.

"PAS bukanlah parti yang tidak tahu mengenang budi. Kita adalah parti yang boleh diajak berbicara dan berunding," katanya merujuk kepada sokongan semua anggota DUN dari PAS yang menyokong usul itu.

Dalam penggulungannya, Abdul Halim berkata semua pihak wajar memberikan penghargaan kepada Dr Mahathir kerana pemimpin yang banyak berjasa itu "adalah Perdana Menteri kepada semua rakyat negara ini tanpa mengira parti, kaum, bangsa dan agama".

Pada Selasa lepas, Nik Aziz ketika berucap membentangkan Belanjawan 2004 Kelantan pada persidangan itu turut merakamkan terima kasih kepada Dr Mahathir yang banyak membantu menyelesaikan masalah rakyat dan projek pembangunan di negeri itu.

-- BERNAMA

RAR ROS